

**HUBUNGAN FAKTOR PENDIDIKAN DAN PERSEKITARAN DENGAN
ASPIRASI KERJAYA PERAKAUNAN DALAM KALANGAN PELAJAR DI
NEGERI PAHANG**

ROSMAIZAH BT. KAMARUDDIN

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PERAKAUNAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2015

ABSTRAK

Kajian ini merupakan kajian tinjauan secara kuantitatif yang bertujuan untuk melihat hubungan faktor pendidikan dan persekitaran terhadap aspirasi kerjaya Perakaunan dalam kalangan pelajar di negeri Pahang. Penyelidik membuat tinjauan melalui soal selidik yang telah dilengkapkan oleh 364 orang pelajar tingkatan empat yang mengambil mata pelajaran Prinsip Perakaunan daripada sembilan buah sekolah di negeri Pahang. Statistik deskriptif yang digunakan dalam kajian ini ialah peratus dan min manakala bagi statistik inferensi ujian yang digunakan ialah ujian ANOVA, korelasi *Pearson* dan Regresi pelbagai. Hasil analisis mendapati tahap aspirasi kerjaya perakaunan dalam kalangan pelajar berada pada tahap sederhana. Hasil analisis juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor sosio ekonomi keluarga dengan aspirasi kerjaya Perakaunan, terdapat hubungan positif yang signifikan di antara sikap, kualiti pengajaran, persekitaran rumah, rakan sebaya dan media massa dengan aspirasi kerjaya perakaunan. Bagi aspek pencapaian pula, terdapat perhubungan negatif yang signifikan dengan aspirasi kerjaya perakaunan. Aspirasi kerjaya perakaunan dipengaruhi oleh sikap, persekitaran rumah, rakan sebaya dan kualiti pengajaran sebanyak 55.2 peratus. Minat terhadap kerjaya Perakaunan dalam kalangan pelajar perlu ditingkatkan dengan mewujudkan suasana ceria semasa sesi pengajaran dan pembelajaran serta memberi pendedahan berterusan dan mendalam terhadap bidang kerjaya ini. Antara langkah yang dicadangkan ialah melaksanakan ceramah kerjaya, lawatan ke firma Perakaunan, melaksanakan amali kerjaya dan memberi pendedahan kepada bidang pengajian yang boleh diambil pada peringkat pengajian tinggi.

THE RELATIONSHIPS BETWEEN EDUCATIONAL AND ENVIRONMENTAL FACTORS AND ACCOUNTING CAREER ASPIRATIONS AMONG STUDENTS IN THE STATE OF PAHANG

ABSTRACT

This research is a quantitative survey aims to identify the relationship between educational and environmental factors and accounting career aspirations among students in the state of Pahang. Researcher uses survey method through a set of questionnaires completed by 364 form four students who had taken Principles of Accounting from nine schools in the state of Pahang. Descriptive statistics were used in this study was percentage and mean while inferential statistics test used was ANOVA, Pearson correlation and multiple regression. Results show that accounting career aspirations among students are in moderate level. Results also show that there were no significant differences between socio-economic factors and accounting career aspirations, significant positive relationship between attitude, quality of teaching, home environment, peer and mass media. In the aspect of achievement, there is a significant negative relationship with accounting career aspirations. Accounting career aspirations are influenced by attitudes, home environment, peers and instructional quality. Interest in a career of Accounting must be improved by creating a cheerful atmosphere during the session of teaching and learning and provide continuous exposure and depth of field of this career. Among the measures proposed are to implement career talks, visits to firms Accounting, carry out practical work and provide exposure to fields of study that may be taken at the level of higher education

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Penyataan Masalah	8
1.4 Kerangka Kajian	13
1.4.1 Kerangka Teoretikal	13
1.4.2 Kerangka Konseptual Kajian	19
1.5 Tujuan Kajian	23
1.6 Objektif kajian	23
1.7 Persoalan Kajian	24
1.8 Hipotesis Kajian	24
1.9 Kepentingan Kajian	25
1.10 Limitasi Kajian	28


1.11 Definisi Operasional	29
1.11.1 Aspirasi Kerjaya Perakaunan	29
1.11.2 Pendidikan	30
1.11.2.1 Sikap	30
1.11.2.2 Pencapaian	31
1.11.2.3 Kualiti Pengajaran	32
1.11.3 Persekitaran	32
1.11.3.1 Persekitaran rumah	33
1.11.3.2 Rakan Sebaya	33
1.11.3.3 Media Massa	34
1.12 Rumusan	34
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	36
2.1 Pengenalan	36
2.2 Pendidikan Perakaunan	37
2.3 Kerjaya di Bidang Perakaunan	40
2.4 Pemilihan Kerjaya	41
2.5 Teori-Teori dan Model Kerjaya	42
2.5.1 Teori Perkembangan Kerjaya Ginzberg	42
2.5.2 Teori Perkembangan Kerjaya Super	44
2.5.3 Teori Pemilihan Kerjaya Holland	46
2.5.4 Teori Batas Kompromi dan Penciptaan Diri Gottfredson	

	<i>(Gottfredson's Theory of Circumscription Compromise and Self Creation)</i>	48
2.6	Aspirasi Kerjaya	50
2.7	Kajian Aspirasi Kerjaya	53
2.8	Pengaruh Faktor Hasil Pendidikan terhadap Aspirasi Kerjaya	57
2.9	Pengaruh Faktor Kualiti Pengajaran terhadap Aspirasi Kerjaya.	60
2.10	Pengaruh Faktor Persekitaran Rumah terhadap Aspirasi Kerjaya	62
2.11	Pengaruh Faktor Rakan Sebaya terhadap Aspirasi Kerjaya	66
2.12	Pengaruh Faktor Media Massa terhadap Aspirasi Kerjaya	68
2.13	Rumusan	69
BAB 3	METODOLOGI	71
3.1	Pengenalan	71
3.2	Reka Bentuk Kajian	72
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	73
3.4	Instrumen Kajian	77
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	81
3.5.1	Kesahan Instrumen	81
3.5.2	Kebolehpercayaan Instrumen	82
3.6	Kajian Rintis	84
3.7	Prosedur Kajian	86
3.8	Analisis Data	87

3.8.1	Statistik Deskriptif	90
3.8.2	Statistik Inferensi	91
3.9	Rumusan	94
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	95
4.1	Pengenalan	95
4.2	Analisis Profil Responden	96
4.3	Analisis Dapatan Deskriptif	99
4.3.1	Persoalan Kajian 1	99
4.3.2	Persoalan Kajian 2	102
4.3.2.1	Faktor Hasil Pendidikan (sikap)	102
4.3.2.2	Faktor Kualiti pengajaran	104
4.3.2.3	Faktor Persekitaran Rumah	108
4.3.2.4	Faktor Rakan Sebaya	111
4.3.2.5	Faktor Media Massa	113
4.4	Analisis Dapatan Inferensi	115
4.4.1	Persoalan Kajian 3	115
4.4.2	Persoalan Kajian 4	116
4.4.2.1	Hipotesis 2	117
4.4.2.2	Hipotesis 3	118
4.4.2.3	Hipotesis 4	118
4.4.2.4	Hipotesis 5	119

4.4.2.5	Hipotesis 6	119
4.4.2.6	Hipotesis 7	120
4.4.3	Persoalan Kajian 5	120
4.4	Rumusan	122
BAB 5	PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	125
5.1	Pengenalan	125
5.2	Ringkasan Kajian	126
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	128
5.3.1	Tahap Aspirasi Kerjaya Perakaunan dalam Kalangan Pelajar	128
5.3.2	Tahap-tahap Faktor Hasil Pendidikan, Kualiti Pengajaran, Persekitaran Rumah, Rakan Sebaya dan Media Massa dalam Kalangan Pelajar	122
5.3.3	Perbezaan Aspirasi Kerjaya Perakaunan Berdasarkan Pendapatan Keluarga	132
5.3.4	Hubungan di antara Hasil Pendidikan dengan Aspirasi Kerjaya Perakaunan	134
5.3.5	Hubungan di antara Kualiti Pengajaran dengan Aspirasi Kerjaya Perakaunan	135
5.3.6	Hubungan di antara Persekitaran Rumah dengan Aspirasi Kerjaya Perakaunan	136
5.3.7	Hubungan di antara Rakan Sebaya dengan Aspirasi Kerjaya Perakaunan	137
5.3.8	Hubungan di antara Media Massa dengan Aspirasi Kerjaya Perakaunan	138
5.3.9	Sejauh Manakah Faktor Hasil Pendidikan (Sikap), Kualiti	

Pengajaran, Persekitaran Rumah, Rakan Sebaya dan Media Massa Mempengaruhi Aspirasi Kerjaya Perakaunan	139
5.4 Implikasi	140
5.5 Cadangan kajian Lanjutan	145
5.6 Kesimpulan	147
RUJUKAN	149
LAMPIRAN	159



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka surat
1.1	Taburan Keahlian IAM Mengikut Negeri (Sehingga 30 Jun 2012)	10
1.2	Keputusan Pencapaian SPM Negeri Pahang Bagi Matapelajaran Prinsip Perakaunan	12
3.1	Bilangan Pelajar Tingkatan 4 Yang Mengambil Mata pelajaran Prinsip Perakaunan Mengikut Daerah	75
3.2	Persampelan Sekolah	77
3.3	Skor Bagi Item Aspirasi Kerjaya Perakaunan dan Faktor-faktor yang Mempengaruhi Aspirasi Kerjaya	80
3.4	Bilangan Item Mengukur Faktor Mempengaruhi Aspirasi Kerjaya Perakaunan	81
3.5	Item Digugurkan dan Diperbetulkan	82
3.6	Ujian Kebolehpercayaan Untuk Pemboleh Ubah Diuji	84
3.7	Nilai Skewness dan Kurtosis	88
3.8	Taburan Data Ekstrim(<i>outlier</i>) Mengikut Pemboleh ubah	89
3.9	Skor Min dan Interpretasi Tahap Aspirasi Kerjaya Perakaunan	90
3.10	Kekuatan dan Nilai Pekali Korelasi	92
3.11	Ringkasan Pengujian Statistik Objektif Kajian	90
4.1	Maklumat Demografi Responden	97
4.2	Taburan Responden Berdasarkan Markah Prinsip Perakaunan	104


4.3	Taburan Min, Sisihan Piawai dan Peratusan Aspirasi Kerjaya Perakaunan	100
4.4	Taburan Min, Sisihan Piawai dan Peratusan Faktor Hasil Pendidikan (Sikap)	103
4.5	Taburan Min, Sisihan Piawai dan Peratusan Faktor Kualiti Pengajaran	106
4.6	Taburan Min, Sisihan Piawai dan Peratusan Faktor Persekitaran Rumah	109
4.7	Taburan Min, Sisihan Piawai dan Peratusan Faktor Rakan Sebaya	111
4.8	Taburan Min, Sisihan Piawai dan Peratusan Faktor Media Massa dalam Kalangan Pelajar	114
4.9	Keputusan Ujian ANOVA Satu Hala: Perbezaan Aspirasi Kerjaya Perakaunan Berdasarkan Pendapatan Keluarga	116
4.10	Nilai Korelasi Pemboleh-pemboleh Ubah Bebas dengan Pemboleh Ubah Bersandar	117
4.11	Analisis Regresi Pelbagai (Stepwise) bagi faktor persekitaran rumah (ibu bapa), rakan sebaya, kualiti pengajaran, media massa dan hasil pendidikan (sikap) yang mempengaruhi aspirasi kerjaya Perakaunan	122
4.12	Rumusan Dapatan Kajian Analisis Statistik Inferensi	123

SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka surat

1.1	Subsegmen Perkhidmatan Perniagaan yang Berpotensi Tinggi	5
1.2	Model Pendidikan Pelajar dan Aspirasi Kerjaya	18
1.3	Kerangka Konseptual Kajian	22



ACCA	-	<i>The Association Of Chartered Certified Accountants</i>
EPP	-	<i>Entry Point Project / Projek Permulaan</i>
EPRD	-	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
f	-	<i>Frequency / Kekerapan</i>
GPA	-	<i>Gred Point Average / Purata Nilai Gred</i>
GPMP	-	Gred Purata Mata Pelajaran
IFACS	-	Perkhidmatan Perundingan dan Penasihat Kewangan Islam
IKM	-	Institut Kemahiran MARA
IT	-	<i>Information Technology / Teknologi Maklumat</i>
KPO	-	<i>Knowledge Process Outsource / Proses Pengetahuan</i> Penyumberluaran
MIA		Institut Akauntan Malaysia
NKEA	-	<i>National Key Economic Area / Bidang Ekonomi Utama Negara</i>
PEMANDU	-	<i>Performance Management Delivery Unit / Unit Pengurusan</i> Prestasi
PNK	-	Pendapatan Negara Kasar
PPD	-	Pejabat Pendidikan Daerah
r	-	Korelasi <i>Pearson</i>
RMK10	-	Rancangan Malaysia Ke-10
SPSS	-	<i>Statistical Package for The Social Science</i>
SP	-	Sisihan Piawai
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara yang sedang pesat membangun. Penekanan kepada pembangunan sumber manusia merupakan antara perkara utama bagi mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara yang membangun sepenuhnya. Sumber tenaga yang utama adalah bergantung kepada tenaga belia yang mempunyai tahap disiplin yang tinggi, berpendidikan dan bersedia untuk dilatih. Golongan ini perlu dilengkapi dengan ilmu pengetahuan, kefahaman dan kemahiran asas yang diperlukan oleh industri sama ada golongan profesional yang lahir dari universiti tempatan atau luar negara.

Kerjaya merupakan satu perkara penting yang perlu difikirkan oleh setiap individu. Aspirasi dan minat memainkan peranan penting dalam menentukan kerjaya seseorang pada masa akan datang. Dengan adanya aspirasi kerjaya pelajar akan lebih fokus ke arah kerjaya yang mereka idamkan dan seterusnya berusaha untuk mencapai aspirasi tersebut (Mohamad, Radzali & Azhar, 2008). Aspirasi kerjaya sering dikaitkan semasa awal proses perkembangan kerjaya dan ia melibatkan golongan pelajar bukan sahaja pada peringkat tinggi malah di sekolah rendah lagi pelajar sering diajukan soalan tentang cita-cita mereka. Pada ketika itu pelajar hanya memberikan jawapan berdasarkan jenis pekerjaan yang mereka ketahui tanpa mengambil kira minat dan kebolehan yang ada pada diri mereka.

Sesetengah pelajar remaja hari ini kurang memberi fokus kepada matlamat diri yang mana mereka kurang pengetahuan apabila membincangkan soal masa hadapan terutama berkaitan pilihan kerjaya. Keadaan ini membuatkan pelajar sukar membuat keputusan mengenai kerjaya mereka pada masa akan datang. Tanpa aspirasi pelajar-pelajar ini mungkin membuat kesilapan dalam memilih kerjaya.

1.2 Latar Belakang Kajian

Program transformasi Ekonomi atau *Economic Transformation Programme* (ETP) adalah satu usaha komprehensif Kerajaan untuk mentransformasikan Malaysia ke arah sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Sasarannya adalah untuk meningkatkan pendapatan negara kasar (PNK) per kapita Malaysia dari RM23,700 pada 2009 kepada lebih RM48,000 pada tahun 2020 dan mewujudkan 3.3 juta peluang pekerjaan (Kementerian Komunikasi dan Multimedia, 2011)

Peluang ini akan memfokuskan kepada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara atau *National Key Economics Areas* (NKEA). Bidang-bidang tersebut ialah minyak, gas dan tenaga, minyak sawit, perkhidmatan kewangan, pelancongan, perkhidmatan perniagaan, elektronik dan elektrik, borong dan runcit, pendidikan, kesihatan, teknologi maklumat dan komunikasi, pertanian dan Greater Kuala Lumpur (Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) Jabatan Perdana Menteri, 2013).

Sektor perkhidmatan perniagaan merangkumi pelbagai industri dan profesion. Hal ini termasuk golongan akauntan, peguam dan pakar cukai yang membantu dan menyokong pertumbuhan sesebuah ekonomi. (Kementerian Komunikasi dan


(Multimedia, 2011). Pada tahun 2009, sektor perkhidmatan perniagaan di Malaysia menyumbang sebanyak RM19.5 bilion atau lebih kurang 2.9% kepada PNK. Walaupun kadar ini agak kecil pada masa itu, namun sektor tersebut sedang berkembang pesat. Antara tahun 2000 dan 2010, sumbangan perkhidmatan perniagaan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berkembang sebanyak 7.9% setahun, menjadikannya sektor kedua paling pantas berkembang dalam ekonomi negara. Perkhidmatan perakaunan adalah salah satu subsegmen perkhidmatan perniagaan yang menjadi penyumbang utama kepada NKEA ini

Sektor perkhidmatan perniagaan di Malaysia menghadapi beberapa cabaran yang menghalang pertumbuhannya antaranya adalah kekurangan tenaga mahir. Contohnya, Malaysia mempunyai 83,000 golongan profesional kewangan dan perakaunan berbanding 2.3 juta di India. Beban tenaga kerja mahir yang kecil ini diburukkan lagi oleh tahap kebolehgunaan tenaga yang rendah. Sebagai contoh, hanya 25% golongan profesional perakaunan dan kewangan Malaysia mempunyai kualiti yang secukupnya untuk bekerja dengan syarikat multinasional, berbanding dengan 30% di Filipina dan 40% di Republik Czech (Kementerian Komunikasi dan Multimedia, 2011).

Rajah 1.1 menunjukkan sebelas subsegmen di bawah NKEA perkhidmatan perniagaan yang berpotensi tinggi. Salah satu daripada subsegmen itu adalah

Terdapat 11 subsegmen perkhidmatan perniagaan yang berpotensi tinggi

----- Dikendalikan oleh NKEA lain



Rajah 1.1. Subsegmen Perkhidmatan Perniagaan yang Berpotensi Tinggi. Sumber : (Kementerian Komunikasi dan Multimedia, 2011)

Enam projek permulaan (EPP) telah dikenal pasti dalam keseluruhan sembilan subsegmen yang berpotensi tinggi bagi usaha mempercepatkan pertumbuhan perkhidmatan perniagaan (Kementerian Komunikasi dan Multimedia, 2011). Salah satu daripada EPP berkenaan yang berkait secara langsung dengan bidang perakaunan ialah EPP 6 iaitu Membangunkan Malaysia sebagai Hab KPO Kewangan Islam Global yang mana aspirasi negara adalah untuk memanfaatkan kedudukan sebagai peneraju dalam kewangan Islam.

Malaysia merupakan pasaran ketiga terbesar dalam kewangan Islam dan adalah peneraju pasaran dalam pengeluaran sukuk di mana 48% dari pengeluaran sukuk global berasal dari Malaysia. Kedudukan pendahuluan ini disokong oleh platform dagangan komoditi yang pertama di dunia yang mematuhi Syariah dan didukung oleh rangka kerja penyelesaian pertikaian yang juga mematuhi Syariah. Berlandaskan kelebihan daya saing negara dalam kewangan Islam dari sudut pengalaman, infrastruktur dan pengetahuan, negara akan menubuhkan sebuah konsortium yang akan mempromosikan negara secara aktif sebagai hab kewangan Islam yang unggul. Hal ini dilakukan melalui peruntukan perkhidmatan perundingan dan penasihat kewangan Islam (I-FACS) yang bernilai tinggi. I-FACS akan terdiri daripada cendekiawan dan pengamal Syariah, peguam kewangan Islam, akauntan, aktuari dan juruaudit Syariah yang akan melaksanakan fungsi pematuhan Syariah. Ia akan menawarkan perkhidmatan meluas dalam pasaran modal Islam, pengurusan dana Islam, kewangan dan penasihat korporat Islam (Kementerian Komunikasi dan Multimedia, 2011)

Selain itu terdapat juga NKEA lain yang secara tidak langsung akan meningkatkan sumbangan PNK Perkhidmatan Perniagaan. Antaranya ialah NKEA Pemborongan dan Peruncitan yang mana pengembangan golongan peruncit dan pemborong akan menyebabkan peningkatan dalam permintaan untuk perkhidmatan profesional termasuk akauntan.

Di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) pendidikan pula kerajaan akan meluaskan skop empat kluster iaitu :-

1. Membina Kewangan Islam dan Pendidikan Perniagaan di bawah Projek Permulaan 7 (EPP7).
2. Membina Pendidikan Sains Kesihatan (EPP8)
3. Membina Kejuruteraan, Sains dan Inovasi Lanjutan (EPP9)
4. Membina Disiplin Hospitaliti dan Pelancongan (EPP10).

Keempat-empat kluster pendidikan ini terutama Membina Kewangan Islam dan Pendidikan Perniagaan (EPP7) pastinya juga akan membawa kepada keperluan kepada bidang perakaunan. Begitu juga NKEA Perkhidmatan Kewangan, di mana NKEA Perkhidmatan Kewangan disasarkan untuk meningkatkan jumlah sumbangan PNK sebanyak 121.5 billion menjelang 2020. Sektor ini juga menjangkakan 229,000 peluang pekerjaan akan wujud menjelang 2020, termasuk 100,000 jawatan profesional dan teknikal. Pastinya peluang pekerjaan itu juga terbuka untuk pelajar lulusan ijazah perakaunan.

Carian melalui sebuah agensi pekerjaan bertarikh 4 Mei 2013 turut menyokong keperluan kepada jawatan perakaunan yang mana kekosongan jawatan dalam bidang perakaunan adalah sebanyak 4,799 yang terdiri daripada pengkhususan dalam perakaunan kos / am sebanyak 2,875 kekosongan, bank/kewangan sebanyak 1,302

kekosongan, audit / percukaian sebanyak 533 kekosongan dan bidang kewangan / pelaburan sebanyak 359 kekosongan. Bilangan kekosongan ini mengatasi kekosongan dalam bidang-bidang lain, antaranya kejuruteraan sebanyak 2,880, perkomputeran / teknologi maklumat sebanyak 2,576 dan bidang pembinaan sebanyak 2,312 kekosongan (jobstreet.com.my, 2013).

Manakala menurut Presiden Institut Akauntan Malaysia (MIA), Datuk Mohd Nasir Ahmad,

“Untuk bergerak sejajar dengan Program Transformasi Ekonomi dan menuju ke arah menjadi negara berpendapatan tinggi, kita memerlukan lebih banyak akauntan untuk memacu pertumbuhan ekonomi Malaysia. Pada masa ini, institut ini mempunyai lebih sedikit daripada 28,000 akauntan bertauliah yang berdaftar dalam perniagaan dan perdagangan, amalan awam, sektor awam dan akademia” (Wartawan Bernama, 2012).

1.3 Penyataan Masalah

Perakaunan merupakan satu bidang penting tetapi masih kurang penglibatan khususnya dalam kalangan bumiputera (Mohd Yahya, 2007). Perkembangan pesat sektor ekonomi dan perdagangan negara sejak kebelakangan ini membuka ruang yang cukup luas kepada lulusan perakaunan. Perkembangan teknologi maklumat meningkatkan lagi peranan bidang ini dari segi pengurusan dan pengkomputeran

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
 N IDRIS
 L sesebuah organisasi.

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Abdul Wahid Omar menjelang 2020 Malaysia memerlukan sejumlah 60,000 akauntan bertauliah. Bagaimanapun mengikut data tahun 2011 jumlah akauntan bumiputera yang bertauliah hanya 1,464 orang iaitu 8% berbanding 19,062 dari jumlah keseluruhan. Negara memerlukan jumlah akauntan yang mencukupi kerana jawatan itu penting bagi sektor ekonomi (Ainul Asniera, 2014)

Manakala Menurut Naib Presiden Institut Akauntan Malaysia (MIA) Abdul Rahim Hamid pula, negara memerlukan ramai akauntan bertauliah bagi membantu merangsang pertumbuhan ekonomi dalam negara secara lebih teratur. Menurut beliau lagi buat masa ini negara mempunyai kira-kira 30,000 akauntan namun hanya sekitar 7,000 yang melakukan kegiatan akauntan secara bertauliah membabitkan kerja-kerja auditan (Wartawan Sinar Harian, 2012). Statistik keahlian Insitut Akauntan Malaysia (MIA) sehingga 30 Jun 2012 mencatat keahlian sebanyak 28,489 orang. Daripada keseluruhan bilangan ahli ini, negeri Pahang hanya mencatat jumlah keahlian sebanyak 352 orang (Jadual 1.1) iaitu sebanyak 1.24% sahaja. Jumlah ini boleh dianggap sebagai kecil.

Jadual 1.1

Taburan Keahlian IAM Mengikut Negeri (Sehingga 30 Jun 2012)

NEGERI	BILANGAN
Perlis	71
Kedah	520
Pulau Pinang	1,842
Perak	912
Selangor	11,487
Wilayah Persekutuan	6,711
Negeri Sembilan	523
Melaka	536
Johor	1,670
Pahang	352
Terengganu	241
Kelantan	192
Sarawak	1,547
Sabah	912
Luar Negara	973
Keseluruhan	28,489

Sumber: Institut Akauntan Malaysia (2012)

Pernyataan-pernyataan ini menunjukkan negara secara amnya dan negeri Pahang secara khususnya menghadapi masalah kekurangan akauntan bertauliah terutamanya daripada kalangan bumiputera. Apakah penyebab fenomena ini? Adakah pelajar yang mengambil jurusan perakaunan sedikit? Jawapannya adalah tidak. Menurut Wan Mohd Nazif dan Fazilah (2005) bagi kebanyakan institusi pengajian tinggi, fakulti perakaunan merupakan antara fakulti terbesar jika diukur dari jumlah pelajarnya.

Mungkinkah mereka yang mengikuti kursus perakaunan di universiti tidak memilih kerjaya dalam bidang ini setelah menamatkan pengajian? Amat malang

apabila bertahun-tahun bertungkus lumus mempelajari sesuatu kursus tetapi akhirnya tidak memilih bidang itu sebagai kerjaya, bukan disebabkan tidak berpeluang ataupun tidak diberi peluang tetapi atas pilihan sendiri. Bidang tugas tidak serasi dengan jiwa, beban kerja tidak seperti yang diharapkan dan seribu satu alasan lagi yang diberikan (Wan Mohd Nazif & Fazilah, 2005).

Menurut Abdul Rahim, keadaan ini berlaku kerana hampir 65 peratus penuntut yang menamatkan pengajian dalam bidang perakaunan bergiat dalam bidang lain termasuk kerja makan gaji. Bidang akauntan juga turut dimonopoli oleh kaum wanita dengan kadar 60:40 (Wartawan Sinar Harian, 2012).

Watson, Quatman dan Edler, (2002) mendapati aspirasi kerjaya murid dipengaruhi oleh unsur-unsur persekitaran iaitu sekolah, galakan daripada rakan sebaya, penglibatan guru dan harapan keluarga mereka terhadap kerjaya pada masa hadapan. Memahami aspirasi pelajar boleh membantu guru untuk mengaitkan aktiviti pengajaran mengikut minat pelajar. Aspirasi yang tinggi boleh mendorong pelajar untuk belajar bersungguh-sungguh dan cuba untuk mencapai matlamat mereka. Pendidik boleh merancang polisi dan mempraktikkannya jika memahami aspirasi semasa remaja (Walbergs, 1989). Jadi adalah penting untuk meneroka aspirasi dan jangkaan kerjaya pelajar perakaunan pada peringkat sekolah menengah bagi membolehkan bilangan akauntan khasnya di negeri Pahang bertambah dan matlamat